



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



(Dari kiri) Mohd Fauzi, Suhaimi dan Ahmad Zaki ketika **majlis menandatangani MOU** antara Universiti Putra Malaysia dengan FELDA D'Saji.

[FOTO ROSELA ISMAIL/ BH]

FDSB setuju biayai bina makmal makanan

Serdang: FELDA D'Saji Sdn Bhd (FDSB) bersetuju membiayai pembinaan sebuah makmal makanan bernilai lebih RM7 juta di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini bagi memperkenalkan jenama L'apprenti ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Makmal makanan yang berfungsi sebagai pusat pengurusan acara di bawah Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM itu dijangka siap dalam tempoh 16 bulan selepas persetujuan bersama antara FDSB dan UPM.

Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA Berhad, Datuk Suhaimi Zainuddin, berkata

pembinaan makmal makanan berbentuk perkongsian pintar itu juga mampu mempromosi Dewan Bankuet UPM serta mengkomersilkan jenama L'apprenti di dalam negara.

FAKTA NOMBOR

RM7j
KOS

membiayai

pembinaan makmal makanan di Universiti Putra Malaysia

IPTA pertama

“FDSB dilantik UPM untuk melaksanakan sistem francais kepada pasaran luar dan kita juga terbabit dalam sistem pendedahan

akademik bagi membantu pelajar UPM berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman mengurus acara serta restoran mewah secara praktikal.

“UPM adalah IPTA pertama yang bersetuju untuk bekerjasama dalam projek ini dan akan diperluaskan ke semua IPTA dalam tempoh dua tahun ini,” katanya selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara FDSB dan UPM di Restoran L'apprenti, UPM, di sini, semalam.

UPM diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Mohd Fauzi berkata, UPM melalui Institut Produk Halal juga akan memberi khidmat rundingan, penyelidikan dan perkhidmatan profesional dalam pemprosesan produk bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan FDSB.